



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA



SEMAKAN SEMULA **PELAN ANTIRASUAH JABATAN PERTANIAN (PLANT DOA) 2020-2025**

**BERKUATKUASA
JANUARI 2023**



**Integriti adalah satu
jalan lurus yang tidak
memerlukan peraturan
untuk bersikap jujur
dan telus.**



.....

Albert Camus

Ahli Falsafah Perancis



AMANAT KETUA PENGARAH PERTANIAN

Semoga usaha murni ini dapat membentuk warga Jabatan yang mempunyai nilai etika, jati diri dan berintegriti sekaligus menyuburkan persepsi positif pemegang taruh terhadap Jabatan khususnya.

Dato' Zahimi bin Hassan
Ketua Pengarah Pertanian



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana Jabatan Pertanian terus komited dalam memastikan amalan tadbir urus yang baik dalam semua perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan serta menerapkan nilai integriti dan akauntabiliti pada tahap tertinggi selaras dengan ETIKA Jabatan Pertanian.

Jabatan Pertanian telah melancarkan Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025 pada 18 Ogos 2020. Hasil daripada penilaian status pelaksanaan inisiatif PLANT DOA yang telah memasuki tahun ketiga pelaksanaan, maka dokumen Semakan Semula PLANT DOA ini telah diterbitkan sebagai rujukan kepada semua pihak dalam menjayakan PLANT DOA sehingga Disember 2025.

Sekalung tahniah diucapkan kepada Unit Integriti yang telah menunjukkan komitmen yang sangat tinggi bagi mengukuhkan governans, integriti dan antirasuah di dalam Jabatan Pertanian.

Saya juga amat berbangga dengan komitmen yang ditunjukkan oleh semua Pengarah Bahagian dan Pengarah Pertanian Negeri serta semua warga Jabatan Pertanian dalam memastikan pematuhan ke atas pekeliling/ peraturan/ garis panduan/ tatacara yang telah ditetapkan di dalam melaksanakan segala tugas yang diamanahkan selaras dengan Dasar Antirasuah Jabatan Pertanian.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dato' Zahimi bin Hassan
Ketua Pengarah Pertanian

PEMBUKA BICARA KETUA UNIT INTERGRITI

PLANT DOA yang telah dibangunkan secara kolektif ini perlu dilaksanakan dengan tekad dan azam yang tinggi untuk memastikan setiap warga kerja DOA berintegriti tinggi dan bebas daripada pengaruh rasuah selaras dengan tuntutan agama, aspirasi Kerajaan dan rakyat.

Maznah binti Che Muda
Ketua Unit Integriti



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah.. syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurniaNya, Semakan Semula Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025 telah berjaya diterbitkan.

PLANT DOA merupakan panduan utama bagi Jabatan Pertanian dalam melaksanakan inisiatif pencegahan rasuah berpandukan kepada risiko rasuah yang telah dikenalpasti semasa bengkel *Corruption Risk Management (CRM)* yang telah dilaksanakan.

Melalui semakan dan pemantauan berkala ke atas status pelaksanaan inisiatif PLANT DOA yang dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat Jabatan Pertanian, maka buku Semakan Semula PLANT DOA ini dihasilkan bagi memastikan inisiatif yang digariskan bagi menangani risiko/potensi risiko (kelemahan: governans, integriti dan antirasuah) dilaksanakan dengan berkesan.

Komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh Pengurusan Tertinggi Jabatan Pertanian bagi menangani kelemahan governans, integriti dan antirasuah di dalam Jabatan Pertanian menunjukkan bahawa Jabatan Pertanian amat serius dalam menjayakan PLANT DOA serta agenda untuk memastikan setiap warga Jabatan Pertanian berintegriti tinggi dan bebas daripada pengaruh rasuah.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Maznah binti Che Muda
Ketua Unit Integriti

ISI KANDUNGAN

- 6** AMANAT
KETUA PENGARAH PERTANIAN
- 8** PEMBUKA BICARA
KETUA UNIT INTEGRITI
- 12** LATAR BELAKANG PELAN ANTIRASUAH
(PLANT DOA) 2020-2025
- 13** DASAR ANTIRASUAH
JABATAN PERTANIAN
- 14** BIDANG KEUTAMAAN :
PLANT DOA 2020-2025
- 16** STRATEGI
PLANT DOA 2020-2025
- 17** OBJEKTIF STRATEGIK
PLANT DOA 2020-2025
- 18** RISIKO/ POTENSI RISIKO
PLANT DOA 2020-2025
- 20** KERANGKA PLANT DOA 2020-2025
(SEMAKAN SEMULA)
- 22** INISIATIF
PLANT DOA 2020-2025
- 38** MEKANISME PEMANTAUAN
PELAKSANAAN PLANT DOA 2020-2025
- 39** KESIMPULAN
- 40** PENGHARGAAN



LATAR BELAKANG

PELAN ANTIRASUAH (PLANT DOA) 2020-2025

12



DASAR ANTIRASUAH

JABATAN PERTANIAN

13



KERANGKA

PLANT DOA (SEMAKAN SEMULA)

20



INISIATIF

PLANT DOA

22

LATAR BELAKANG

PELAN ANTIRASUAH JABATAN PERTANIAN (PLANT DOA) 2020-2025

Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025 merupakan *living document* utama Jabatan yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam menangani masalah rasuah, integriti dan tadbir urus dalam Jabatan Pertanian bagi tempoh lima (5) tahun bermula 2020-2025.

Setelah dua (2) tahun pelaksanaan PLANT DOA, Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat Jabatan Pertanian Bilangan 3 Tahun 2022 yang diadakan pada 3 Oktober 2022 telah memutuskan supaya PLANT DOA dibuat semakan semula bagi memastikan inisiatif yang digariskan di dalam PLANT DOA boleh dilaksanakan dan menepati peranan setiap bahagian. Sehubungan itu, Unit Integriti telah menganjurkan Bengkel Kajian Semula Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025 pada 8-9 Februari 2023 yang melibatkan seramai 36 orang peserta daripada semua bahagian.

Laporan Semakan Semula Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025 ini telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat Jabatan Pertanian Bilangan 1 Tahun 2023 yang telah diadakan pada 13 Mac 2023.

Semakan semula PLANT DOA 2020-2025 ini mengambil kira perubahan dasar semasa dalam pentadbiran kerajaan berkaitan pembatalan *Approved Permit* (AP), kemunculan risiko baharu dan pelbagai aspek lain terutama berkaitan kesesuaian kenyataan inisiatif, bahagian pelaksana dan tempoh pelaksanaan.

Semakan Semula PLANT DOA juga disesuaikan dengan penetapan Dasar Antirasuah Jabatan Pertanian sejajar dengan usaha Jabatan bagi menangani kelemahan governans, integriti dan antirasuah serta bagi meningkatkan kecekapan dan ketelusan di dalam penyampaian perkhidmatan kepada pihak-pihak berkepentingan.

Semakan Semula Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025 hendaklah dibaca bersama dengan Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025.



DASAR ANTIRASUAH JABATAN PERTANIAN

Jabatan Pertanian beriltizam untuk menerapkan amalan tadbir urus efektif, berintegriti tinggi dan bebas rasuah melalui Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR) selaras dengan pelaksanaan ISO 37001 dalam mewujudkan industri pertanian yang berdaya saing, pengeluaran produk berkualiti, selamat dan mesra alam serta berorientasi eksport.

Justeru itu, Jabatan Pertanian komited untuk:

1. Membanteras segala amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa daripada berlaku dalam kalangan warga Jabatan Pertanian dan pihak berkepentingan bagi memastikan segala ruang dan peluang rasuah dapat ditangani dengan cekap dan berkesan;
2. Mematuhi peruntukan undang-undang, akta atau peraturan berkaitan dalam membendung segala bentuk perlakuan rasuah di kalangan warga Jabatan Pertanian;
3. Memenuhi hala tuju dan aspirasi negara yang dikenali dengan integriti bukannya kerana rasuah serta ke arah memartabatkan visi, misi dan Pelan Strategik Jabatan Pertanian;
4. Mewujudkan, melaksanakan, mengamalkan dan menambahbaik Polisi Antirasuah, Kod Etika Jabatan Pertanian dan Pelan Mencapai Objektif Antirasuah Jabatan Pertanian sebagai rangka kerja untuk penetapan, penyemakan dan pencapaian objektif antirasuah yang efektif;
5. Melaksanakan semua polisi dan prosedur bagi mencegah, mengesan dan tindakbalas ke atas sebarang bentuk rasuah dengan memenuhi keperluan-keperluan di dalam ISO 37001;
6. Menyediakan ruang, saluran aduan dan perlindungan pemberi maklumat kepada warga Jabatan Pertanian dan pihak-pihak berkepentingan untuk melaporkan sebarang kesalahan rasuah yang berlaku atau lakuan tidak wajar melalui Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Jabatan Pertanian;
7. Menambahbaik keperluan-keperluan di bawah SPAR dari semasa ke semasa;
8. Mewujudkan dan memperkasakan Unit Integriti Jabatan Pertanian yang mempunyai kuasa dan bebas untuk memantau pematuhan SPAR;
9. Mengenakan tindakan punitif, tatatertib dan tindakan undang-undang ke atas warga Jabatan Pertanian yang gagal mematuhi Polisi Antirasuah, Kod Etika Jabatan Pertanian atau melanggar mana-mana undang-undang, akta, peraturan atau arahan yang berkuatkuasa.

BIDANG KEUTAMAAN PLANT DOA 2020–2025

PELAN ANTIRASUAH JABATAN PERTANIAN (PLANT DOA) 2020–2025 yang dilancarkan pada 18 Ogos 2020 memberi penekanan kepada tiga (3) bidang keutamaan berikut:



PENTADBIRAN



PEROLEHAN



PENGUATKUASAAN

Ketiga-tiga bidang ini merupakan bidang yang dikenalpasti berisiko/potensi risiko di dalam Jabatan Pertanian. Oleh itu, Semakan Semula PLANT DOA mengekalkan fokus kepada tiga (3) bidang tersebut dalam mengenalpasti risiko/potensi risiko kelemahan governans, integriti dan antirasuah yang menjadi asas kepada kewujudan inisiatif bagi mengesan, mencegah dan bertindak balas terhadap risiko.



PENTADBIRAN

Merangkumi aktiviti pengurusan sumber manusia, kewangan, tadbir urus pengurusan projek, pengurusan aset dengan berpandukan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa. Amalan sistem dan tatacara kerja yang diperiksa, ditambahbaik supaya dapat menutup ruang dan peluang rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

PEROLEHAN

Melibatkan urusan perolehan barangan, perkhidmatan atau pelaksanaan kerja oleh Jabatan. Peruntukan yang diberikan kepada Jabatan berkaitan dengan perolehan barangan dan perkhidmatan atau pelaksanaan kerja diuruskan melalui proses tender, sebut harga dan pembelian terus. Jabatan berkemungkinan terdedah kepada amalan-amalan pembaziran, penipuan dan lebih serius lagi rasuah yang disebabkan aliran dan penggunaan wang yang bernilai besar.

PENGUATKUASAAN

Melibatkan aktiviti menguatkuasakan akta dan peraturan-peraturan bagi membanteras segala bentuk penyeludupan, penggunaan, penyimpanan, penjualan dan pembelian racun makhluk perosak yang tidak berdaftar serta racun perosak yang telah diharamkan di negara ini. Ini adalah berpandukan kepada perundangan yang termaktub di dalam Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

Jabatan juga menguatkuasakan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981. Pengeksportan yang melibatkan bahan pertanian ke luar negara memerlukan Sijil Fitosanitasi yang dikeluarkan oleh Jabatan bagi tujuan mengesahkan bahan yang diekspor adalah bebas perosak dan mematuhi syarat import yang ditetapkan di bawah peraturan tersebut.

Di bawah akta dan peraturan yang sama, Jabatan juga turut menjalankan pematuhan terhadap beberapa Skim Perakuan Pensijilan Fitosanitasi (Skim MPCA), Skim Akreditasi Pewasapan (MAFAS) dan Skim Perakuan Rawatan Haba Malaysia (MAHTAS).

Jabatan juga mengiktiraf ladang yang mengamalkan Amalan Pertanian Baik (APB) dan ladang yang melaksanakan aktiviti pertanian secara organik melalui Pensijilan myGAP dan myOrganic bagi mengeluarkan makanan yang selamat, berkualiti dan menjaga kelestarian alam sekitar. Selain daripada itu, Jabatan juga melaksanakan Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) dan Skim Pengesahan Benih Padi (SPBP) bagi memastikan bahan tanaman tersebut yang diedar di dalam Malaysia tulen dan berkualiti.

STRATEGI PLANT DOA 2020-2025

Semakan Semula PLANT DOA mengekalkan tiga (3) Strategi PLANT DOA bagi memastikan visi 'Melahirkan warga jabatan yang bebas rasuah' seperti berikut:



STRATEGI




STRATEGI 1

Memperkukuhkan
kecekapan
penyampaian
perkhidmatan awam



STRATEGI 2

Mempertingkatkan
keberkesanan dan
ketelusan perolehan
awam



STRATEGI 3

Menginstitusikan
kredibiliti
penguatkuasaan
undang-undang

OBJEKTIF STRATEGIK PLANT DOA 2020–2025

Tiga (3) Objektif Strategik PLANT DOA dikekalkan manakala empat (4) Objektif Strategik digugurkan kerana objektif yang digariskan boleh dirangkumkan di bawah tiga Objektif Strategik yang dikekalkan. Oleh itu, berdasarkan semakan semula, Objektif Strategik PLANT DOA adalah seperti berikut:

1.1 (2.1) Merekayasa perkhidmatan awam ke arah tadbir urus yang baik

2.1 (3.1) Memperkukuhkan kerangka perolehan awam

3.1 (5.1) Meningkatkan kecekapan dan pengamalan profesionalisme dalam penguatkuasaan undang-undang

OBJEKTIF STRATEGIK DIGUGURKAN

Berikut disenaraikan empat (4) Objektif Strategi PLANT DOA yang digugurkan:

(2.4) Menambahbaik keberkesanan Pendidikan dan pembangunan professional berterusan dalam kalangan pegawai awam melalui program berdasarkan kepada *human governance*

(5.2) Keperluan penggunaan teknologi dalam penguatkuasaan undang-undang

(5.3) Memperkukuhkan agensi penguatkuasaan undang-undang

(5.4) Menambahbaik perundangan dan penguatkuasaan undang-undang

*() merujuk kepada nombor di dalam Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020–2025

RISIKO / POTENSI RISIKO PLANT DOA 2020-2025

Semakan semula PLANT DOA turut melihat kepada risiko/ potensi risiko (kelemahan: Governans, Integriti dan Antirasuah) yang menjadi asas kepada pembentukan inisiatif PLANT DOA.

Berdasarkan Semakan Semula PLANT DOA, terdapat 21 risiko/ potensi risiko berbanding 20 risiko/ potensi risiko yang direkodkan di dalam PLANT DOA. 19 risiko sedia ada dikekalkan tetapi tiga (3) daripada risiko/ potensi risiko tersebut dibuat penambahbaikan dengan mengeluarkan perkataan *Approved Permit* (AP). Dua (2) risiko baharu telah dikenalpasti berkaitan penyelenggaraan & pembaikan kenderaan dan permohonan Insentif Sektor Pertanian.

BIL	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	CATATAN
1 (2.1.1)	Pegawai menerima suapan/ rasuah semasa menjalankan kerja.	Risiko sedia ada
2 (2.1.2)	Kegagalan memenuhi Piagam Pelanggan menyebabkan KPI Jabatan tidak tercapai.	Risiko sedia ada
3 (2.1.3)	Penyalahgunaan kuasa dalam tadbir urus Jabatan Pertanian (penentuan penerima insentif/ projek jabatan/ agihan aset/ pemilihan pelajar IP/ perunding dan yang berkaitan).	Risiko sedia ada
4 (2.1.4)	Penyalahgunaan kuasa dalam tadbir urus Jabatan Pertanian (pingat/ APC/ Kenaikan pangkat/ LNPT/ kemudahan dan kelengkapan pejabat dan yang berkaitan).	Risiko sedia ada
5 (2.1.5)	Wujudnya ancaman terhadap pegawai yang mengendalikan siasatan/ kes tatatertib.	Risiko sedia ada
6 (2.1.6)	Wujudnya ancaman pegawai atasan kepada pegawai bawahan dan sebaliknya untuk laksanakan tugas.	Risiko sedia ada
7 (2.4.1)	Peningkatan kes salahlaku melibatkan pegawai Jabatan Pertanian.	Risiko sedia ada
8 (3.1.1)	Wujudnya campur tangan pihak berkepentingan dalam mempengaruhi keputusan Jawatankuasa Sebut harga.	Risiko sedia ada
9 (3.1.2)	Kebocoran maklumat sebut harga Jabatan kepada pihak yang berkepentingan.	Risiko sedia ada
10 (5.1.1)	Pemalsuan maklumat dalam aktiviti pendaftaran, pemeriksaan dan penyediaan laporan teknikal.	Penambahbaikan risiko sedia ada
11 (5.1.2)	Kebocoran maklumat semasa operasi penguatkuasaan yang menyebabkan operasi pemeriksaan dan penguatkuasaan tidak mencapai matlamat.	Risiko sedia ada

*() merujuk kepada nombor di dalam Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025

BIL	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	CATATAN
12 (5.1.3)	Ketidakpatuhan TOP dalam aktiviti pendaftaran racun makhluk perosak, pendaftaran ladang dan fasiliti, pemeriksaan konsainan eksport dan penetapan syarat import serta aktiviti penguatkuasaan.	Penambahbaikan risiko sedia ada
13 (5.1.4)	Pakatan rasuah antara pegawai dan pemohon/ pelanggan bagi tujuan pendaftaran racun makhluk perosak, pendaftaran ladang dan fasiliti eksport, permohonan sijil fitosanitasi, permit CITES, skim MPCA, skim MAHTAS, Skim Pengesahan Bahan Tanaman, Skim Pengesahan Benih Padi Sah, myGAP dan myOrganik.	Penambahbaikan risiko sedia ada
14 (5.2.1)	Peningkatan aktiviti penyeludupan, penggunaan, penyimpanan, penjualan dan pembelian racun makhluk perosak tidak berdaftar.	Risiko sedia ada
15 (5.2.2)	Kelemahan dalam pengurusan bahan bukti (eksibit).	Risiko sedia ada
16 (5.3.1)	Keselamatan dan kesihatan pegawai yang terlibat dalam proses menguatkuasakan undang-undang tergugat.	Risiko sedia ada
17 (5.3.2)	Kurang motivasi melaksanakan tugas penguatkuasaan.	Risiko sedia ada
18 (5.4.1)	Penyediaan kertas siasatan kes yang tidak lengkap untuk tujuan pendakwaan.	Risiko sedia ada
19 (5.4.3)	Pemalsuan logo dan sijil Amalan Pertanian Baik, sijil Skim MPCA, MAHTAS dan MAFAS.	Risiko sedia ada
20	Pakatan antara pegawai dan pihak pembekal untuk penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan jabatan.	Risiko baharu
21	Salah guna kuasa dalam membuat pengesyoran permohonan Insentif Sektor Pertanian.	Risiko baharu

*() merujuk kepada nombor di dalam Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025

RISIKO DIGUGURKAN

Satu (1) risiko/ potensi risiko yang khusus berkenaan *Approved Permit* (AP) digugurkan selaras dengan dasar kerajaan yang membatalkan keperluan *Approved Permit* (AP) bagi pengimportan kelapa tua biji dan kubis bulat seperti berikut:

(5.4.2) Penyalahgunaan *Approved Permit* (AP) pengimportan kelapa tua biji dan kubis bulat

*() merujuk kepada nombor di dalam Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025

KERANGKA PLANT DOA 2020-2025 (SEMAKAN SEMULA)



VISI

KE ARAH MEMBENTUK WARGA DOA BEBAS RASUAH



MISI

- ▶ Meningkatkan Kecekapan Ketekunan dan Akauntabiliti Berasaskan Tadbir Urus Baik
- ▶ Mewujudkan Persekitaran Kerja Bebas Rasuah
- ▶ Menegakkan Kedaulatan Undang-Undang



MATLAMAT

- ▶ Kecekapan dan Responsif dalam penyampaian perkhidmatan
- ▶ Integriti dalam Penyampaian Perkhidmatan
- ▶ Akauntabiliti dan Kredibiliti Penguatkuasaan Undang-Undang



BIDANG KEUTAMAAN

- ▶ Pentadbiran Sektor Awam
- ▶ Perolehan Awam
- ▶ Penguatkuasaan Undang-Undang



STRATEGI

- ▶ Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam
- ▶ Meningkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam
- ▶ Menginstitusikan Kredibiliti Penguatkuasaan Undang-Undang



3 BIDANG
KEUTAMAAN



3 STRATEGI



3 OBJEKTIF
STRATEGIK



21
RISIKO



56
PELAN INISIATIF

43

JANGKA
PENDEK

7

JANGKA
SEDERHANA

6


JANGKA
PANJANG

INISIATIF PLANT DOA 2020–2025



Di dalam **PLANT DOA**, terdapat **58** inisiatif yang meliputi **47** inisiatif jangka pendek, **2** inisiatif jangka sederhana dan **9** inisiatif jangka panjang.

Berdasarkan **Semakan Semula PLANT DOA**, lima (**5**) inisiatif digugurkan dengan justifikasi, enam (**6**) inisiatif digabungkan dan sembilan (**9**) inisiatif baharu diwujudkan. Perubahan ini menjadikan inisiatif yang perlu dilaksanakan bagi menangani risiko/ potensi risiko (kelemahan: governans, integriti & antirasuah) sehingga tamatnya pelaksanaan **PLANT DOA** pada **Disember 2025** adalah berjumlah **56** yang meliputi **43** inisiatif jangka pendek, tujuh (**7**) inisiatif jangka sederhana dan enam (**6**) inisiatif jangka panjang.



BIL	NO. INISIATIF	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	JUSTIFIKASI
1.	(5.1.2.3)	Tindakan tatatertib kepada pembocor maklumat.	UI	Perlanggaran tatakelakuan akan dikenakan tindakan tatatertib. Inisiatif ini hanya akan dilaksana apabila wujud kes. Tidak sesuai dijadikan inisiatif.
2.	(5.3.1.1)	Menyediakan kertas permohonan elaun kritikal dengan merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019 kepada JPA Jabatan Perkhidmatan Awam.	BK/BKRPB/ BPM	Luar bidang kuasa DOA. Digugurkan atas keputusan Mesyuarat JAR Peringkat Jabatan Pertanian Bilangan 1 Tahun 2021.
3.	(5.3.1.2)	Penguatkuasa dibekalkan pakaian seragam dengan tujuan meningkatkan keterampilan dan imej penguatkuasaan.	BKRPB	Tangguh. Tiada dalam akta.
4.	(5.3.2.3)	Pemberian elaun/ insentif kritikal untuk penguatkuasa.	BK	Luar bidang kuasa DOA. Digugurkan atas keputusan Mesyuarat JAR Peringkat Jabatan Pertanian Bilangan 1 Tahun 2021.
5.	(5.4.2.1)	Penambahbaikan TOP sedia ada.	BPIT/ BKKT/ BBT	Inisiatif ini diwujudkan bagi menangani risiko berkaitan AP. Inisiatif ini digugurkan berikutan pembatalan AP oleh Kerajaan.

*() merujuk kepada nombor di dalam Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025

2 INISIATIF DIGABUNG

BIL	NO. INISIATIF	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	JUSTIFIKASI
1	(2.1.6.2)	Mengalakkan pegawai yang terancam membuat laporan kepada pihak berkuasa.	UI	Digabungkan dengan inisiatif 1.1.23
2	(3.1.2.5)	Mengadakan taklimat Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) kepada pegawai dan kakitangan Jabatan.	BK	Digabungkan dengan inisiatif 1.1.4
3	(5.1.2.5)	Penambahbaikan dan pematuhan TOP untuk aktiviti penguatkuasaan *Mewajibkan pengisytiharan kepentingan sekiranya ada dan dimasukkan Surat Arahan Larangan Penggunaan Telefon Bimbit atau Lain-Lain Peralatan Komunikasi Dalam Mesyuarat Kerajaan (daripada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan KPKK(R) 600-1/1JLD.2(3) di dalam TOP	BPS/ BKRPB	Pengisytiharan kepentingan diletakkan di bawah inisiatif 1.1.29
4	(5.1.4.3)	Sesi libat urus bagi menggalakkan pengeksport menyertai Skim Perakuan Pensijilan Fitosanitasi (MPCA)-self regulate bagi produk low risk dan produk yang diproses.	BBT	Digabungkan dengan inisiatif 3.1.2
5	(5.2.1.3)	Memuatnaik di laman sesawang peraturan/ garis panduan mengenai kawalan dan pengeluaran permit/ sijil yang dikuatkuasakan dalam DOA.	BPS	Digabungkan dengan inisiatif 1.1.13
6	(5.3.1.3)	Membekal dan mewajibkan pemakaian kelengkapan keselamatan peribadi (PPE) untuk pegawai penguatkuasa.	BKRPB	Digabungkan dengan inisiatif 3.1.12

*() merujuk kepada nombor di dalam Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025

3 INISIATIF BAHARU

BIL	NO. INISIATIF	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	JUSTIFIKASI
1	1.1.9	Menyelaras dan melaksana Taklimat Pengurusan Kewangan Diri dan Keluarga kepada pegawai Jabatan.	UI	Inisiatif tambahan bagi menangani risiko pegawai menerima suapan/ rasuah semasa menjalankan kerja. Masalah keterhutangan kewangan yang serius merupakan salah satu punca berlakunya rasuah.
2	1.1.14	Membangunkan TOP Siasatan Ladang Bagi Pengesyoran Permohonan Insentif Galakan Pengeluaran Bahan Makanan yang diluluskan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.	BPP	Wujud risiko baharu iaitu: Salah guna kuasa dalam membuat pengesyoran permohonan Insentif Sektor Pertanian.
3	1.1.17	Membangunkan Garis Panduan Pemilihan Pelajar Institut Pertanian.	BPML	Inisiatif bagi menjawab risiko berkaitan pemilihan pelajar IP.
4	1.1.19	Menyelaras pelaksanaan audit Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR).	UI	Pelaksanaan audit SPAR melihat kepada proses kerja bahagian secara menyeluruh termasuk elemen pematuhan Pekeliling/ Peraturan/ TOP/ Garis panduan.
5	1.1.20	Mendapatkan pensijilan MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS)/ Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR).	UI	Pensijilan MS ISO 37001:2016 merupakan pembuktian bahawa Jabatan Pertanian melaksanakan satu sistem kawalan dalaman bagi mengesan, mencegah, mengendalikan, menguatkuasa, menilai serta menambahbaik langkah pengurusan antirasuah secara berkesan.

*() merujuk kepada nombor di dalam Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025

BIL	NO. INISIATIF	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	JUSTIFIKASI
6	1.1.29	Surat arahan bagi pelaksanaan pengisytiharan percanggahan kepentingan (COI) bagi mesyuarat yang melibatkan kelulusan dan aktiviti yang melibatkan pihak berkepentingan.	UI	Inisiatif baru yang diwujudkan berkaitan percanggahan kepentingan.
7	1.1.31	Melaksanakan kajian keperluan sistem pendigitalan atas talian yang baharu atau sedia ada bagi aktiviti pendaftaran, pemeriksaan dan penyediaan laporan teknikal bagi perkhidmatan pendaftaran dan pensijilan di Jabatan.	BKKT	Inisiatif tambahan bagi menjawab risiko berkaitan Skim pengesanan benih padi sah, myGAP dan myOrganik.
8	1.1.33	Membangunkan sistem pengesanan kesahihan produk myGAP.	BKKT	Inisiatif tambahan bagi menjawab risiko berkaitan pemalsuan logo myGAP.
9	2.1.8	Mewujudkan jawatankuasa pemilihan syarikat untuk kerja penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan.	BKP	Wujud risiko baharu iaitu: Pakatan antara pegawai dan pihak pembekal untuk penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan jabatan.

*() merujuk kepada nombor di dalam Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025

INISIATIF PLANT DOA 2020-2025



▶ BERKUATKUASA 1 JANUARI 2023 – 31 DISEMBER 2025

STRATEGI 1

▶ Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

BIL	NO. INISIATIF	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	TEMPOH	JANGKA MASA	OUTPUT	KEKERAPAN
1.	1.1.1	Membangunkan Modul Latihan bagi Pemantapan Etika Pegawai Jabatan.	BPMI	Januari 2023-Disember 2023 (1 tahun)	Pendek	Modul Kursus	1 kali/ 3 tahun
2.	1.1.2	Melaksanakan Latihan bagi Pemantapan Etika Pegawai Jabatan.	BPMI	Januari 2023-Disember 2025 (berterusan)	Pendek	i. Takwim ii. Bilangan Peserta	4 kali/ tahun
3.	1.1.3	Menyebarkan mesej integriti, antirasuah kepada semua pegawai Jabatan melalui pelbagai saluran.	UI/UKK	Januari 2023-Disember 2025 (berterusan)	Pendek	Hebahan integriti	6 kali/ tahun
4.	1.1.4	Mengadakan taklimat berkaitan keselamatan Perlindungan dan Kerahsiaan Kerajaan.	BK	Januari 2023-Disember 2025 (berterusan)	Pendek	i. Tarikh program ii. Bilangan Peserta	1 kali/ tahun
5.	1.1.5	Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai (<i>capacity building</i>) dalam bidang penguatkuasaan dan regulatori.	BPMI	Januari 2023-Disember 2025 (berterusan)	Pendek	i. Takwim Kursus ii. Bilangan Peserta iii. Analisis Pre & Post Test	3 kali/ tahun
6.	1.1.6	Taklimat Penilaian Tahunan (LNPT/ MyPerformance) kepada pemilik kompetensi dan pegawai penilai.	BK	Januari 2023-Disember 2025 (berterusan)	Pendek	i. Tarikh program ii. Bilangan Peserta	1 kali/ tahun

BIL	NO. INISIATIF	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	TEMPOH	JANGKA MASA	OUTPUT	KEKERAPAN
7	1.1.7	Memberi pendedahan kepada pegawai baru berkaitan bidang tugas mengikut peranan dan fungsi Bahagian dan Unit.	BPMI	Januari 2023-Disember 2025 (berterusan)	Pendek	i. Bilangan & tarikh program ii. Bilangan peserta	Setiap kali lantikan baharu
8	1.1.8	Mengadakan bimbingan program kaunseling untuk pegawai/ kakitangan	BPMI (AKRAB)	Januari 2023-Disember 2025 (berterusan)	Pendek	Maklumat program	1 kali/ tahun
9	1.1.9	Menyelaras dan melaksana Taklimat Pengurusan Kewangan Diri dan Keluarga kepada pegawai Jabatan.	UI	Januari 2023-Disember 2025 (berterusan)	Pendek	i. Tarikh program ii. Bilangan Peserta	1 kali/ tahun
10	1.1.10	Kajian semula Piagam Pelanggan supaya sentiasa relevan dengan Jabatan dan pelanggan.	BPS	Januari 2023-Disember 2025 (3 tahun)	Sederhana	Laporan Pelan Pemulihan Piagam Pelanggan	1 kali/ 3 tahun
11	1.1.11	Memperkemaskan kaedah pemantauan dan pematuhan Piagam Pelanggan bagi mencapai standard yang ditetapkan secara berkala.	BPS	Januari 2023-Disember 2025 (berterusan)	Pendek	i. Mesyuarat Piagam Pelanggan ii. Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan	2 kali/ tahun
12	1.1.12	Melaksanakan Dasar Pertukaran bagi pelaksanaan pusingan kerja dikalangan pegawai.	BK	Januari 2023-Disember 2025 (berterusan)	Pendek	i. Tarikh Mesyuarat PPSM ii. Bilangan pegawai bertukar	2 kali/ tahun
13	1.1.13	Penyelarasan Pembangunan dan Pendaftaran TOP Jabatan Pertanian.	BPS	Januari 2023-Disember 2025 (berterusan)	Pendek	i. Bilangan mesyuarat ii. Senarai TOP iii. Hebahan di laman web	2 kali/ tahun

BIL	NO. INISIATIF	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	TEMPOH	JANGKA MASA	OUTPUT	KEKERAPAN
14	1.1.14	Membangunkan TOP Siasatan Ladang Bagi Pengesyoran Permohonan Insentif Galakan Pengeluaran Bahan Makanan yang diluluskan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.	BPP	Januari 2023-Disember 2023 (1 tahun)	Pendek	TOP Siasatan Ladang Bagi Pengesyoran Permohonan Insentif Galakan Pengeluaran Bahan Makanan yang diluluskan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967	1 TOP
15	1.1.15	Mewujudkan Garis Panduan Pencalonan Penganugerahan dan Pengiktirafan pegawai dan Kakitangan DOA.	BK	September 2020- Ogos 2021 (1 tahun)	Pendek	Garis Panduan Pencalonan Penganugerahan dan Garis Panduan Pengiktirafan di DOA	2 garis panduan
16	1.1.16	Menambahbaik Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pembangunan di bawah Peruntukan Persekutuan.	BPS	September 2020-Disember 2025 (5 tahun)	Panjang	Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pembangunan di bawah Peruntukan Persekutuan	1 kali/ 5 tahun
17	1.1.17	Membangunkan Garis Panduan Pemilihan Pelajar Institut Pertanian.	BPMI	Januari 2023-Disember 2023 (1 tahun)	Pendek	Garis Panduan Pemilihan Pelajar Institut Pertanian	1 garis panduan
18	1.1.18	Mewujudkan TOP Pengurusan Tabung Pelajar.	BPMI	September 2020- Ogos 2021 (1 tahun)	Pendek	TOP Pengurusan Tabung Pelajar	1 TOP
19	1.1.19	Menyelaras pelaksanaan audit Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR).	UI	Januari 2023-Disember 2025 (berterusan)	Pendek	i. Laporan audit dalam SPAR ii. Laporan audit luar SPAR	2 kali/ tahun
20	1.1.20	Mendapatkan pensijilan MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS)/ Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR).	UI	Januari 2023-Disember 2025 (3 tahun)	Sederhana	Sijil MS ISO 37001:2016	1 kali/ 3 tahun

BIL	NO. INISIATIF	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	TEMPOH	JANGKA MASA	OUTPUT	KEKERAPAN
21	1.1.21	Hebahan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Negara (KSN) mengenai Garis Panduan Pengiktirafan kepada Penjawat Awam yang Melaporkan Pemberian atau Penerimaan Rasuah.	UI	Januari 2023-Disember 2025 (berterusan)	Pendek	Surat hebahan	1 kali/tahun
22	1.1.22	Mewujudkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat.	UI	September 2020-Ogos 2022 (2 tahun)	Sederhana	Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat	1 polisi
23	1.1.23	Mengadakan program bagi memberi pemahaman dan kesedaran bahawa ancaman adalah sesuatu perbuatan jenayah di bawah Seksyen 189 Kanun Keseksaan.	UI	Januari 2023-Disember 2023 (1 tahun)	Pendek	i. Tarikh program ii. Bilangan Peserta	1 program
24	1.1.24	Mewujudkan Garis Panduan Jawatankuasa Siasatan Dalamam.	UI	September 2020-Ogos 2021 (1 tahun)	Pendek	Garis Panduan Jawatankuasa Siasatan Dalamam	1 garis panduan
25	1.1.25	Mengadakan program pemantapan kemahiran siasatan kepada ahli Jawatankuasa Siasatan Dalamam.	UI	September 2020-Ogos 2022 (berterusan)	Pendek	i. Tarikh program ii. Bilangan Peserta	1 kali/tahun
26	1.1.26	Melengkapkan kemudahan dan kelengkapan bilik siasatan Unit Integriti.	UI/ BK	September 2020-Disember 2025 (5 tahun)	Panjang	Bilik siasatan	1 bilik siasatan
27	1.1.27	Mewujudkan Buku Panduan Mengurus dan Melaporkan Tindakan Tatatertib Jabatan Pertanian.	UI	September 2020- Ogos 2021 (1 tahun)	Pendek	Buku Panduan Mengurus dan Melaporkan Tindakan Tatatertib Jabatan Pertanian	1 buku

BIL	NO. INISIATIF	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	TEMPOH	JANGKA MASA	OUTPUT	KEKERAPAN
28	1.1.28	Melaksanakan naziran mengejut bagi pematuhan peraturan-peraturan dan arahan dalaman melibatkan pegawai Jabatan Pertanian.	UI/ BK	Januari 2023- Disember 2025 (berterusan)	Pendek	i. Laporan Pematuhan (UI) ii. Laporan <i>Flying Squad</i> (BK-aset)	3 kali/ tahun
29	1.1.29	Surat arahan pelaksanaan pengisytiharan percanggahan kepentingan (COI) bagi mesyuarat yang melibatkan kelulusan dan aktiviti yang melibatkan pihak berkepentingan.	UI	Januari 2023- Disember 2023 (1 tahun)	Pendek	Surat Arahan KPP	1 kali
30	1.1.30	Merujuk kes-kes pegawai menerima suapan/ rasuah kepada SPRM.	UI	Januari 2023- Disember 2025 (berterusan)	Pendek	Laporan ke SPRM	Lapor jika wujud kes
31	1.1.31	Penambahbaikan sistem atas talian sedia ada bagi perkhidmatan pendaftaran dan pensijilan di Jabatan.	BKRPB/ BKKT/ BPS	Januari 2023- Disember 2025 (3 tahun)	Sederhana	Sistem myPesticide: sistem bayaran online Sistem myGAP: perluasan skop untuk laporan teknikal dan pengisian dalam sistem	1 kali/ 3 tahun
32	1.1.32	Melaksanakan kajian keperluan sistem pendigitalan atas talian yang baharu atau sedia ada bagi aktiviti pendaftaran, pemeriksaan dan penyediaan laporan teknikal bagi perkhidmatan pendaftaran dan pensijilan di Jabatan.	BKKT	Januari 2023- Disember 2025 (3 tahun)	Sederhana	Laporan kajian	1 laporan

BIL	NO. INISIATIF	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	TEMPOH	JANGKA MASA	OUTPUT	KEKERAPAN
33	1.1.33	Mewujudkan sistem semakan kesahihan sijil secara atas talian.	BBT/ BKKT/BPS	September 2020-Ogos 2021 (1 tahun)	Pendek	BBT: QR Code pada sijil PC BKKT: QR Code pada sijil myGAP	1 sistem
34	1.1.34	Membangunkan sistem pengesanan kesahihan produk myGAP.	BKKT/ BPS	Januari 2023-Disember 2025 (3 tahun)	Sederhana	Sistem Pengesanan	1 sistem

STRATEGI 2

► Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam

BIL	NO. INISIATIF	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	TEMPOH	JANGKA MASA	OUTPUT	KEKERAPAN
35	2.1.1	Melaksanakan Latihan Pengurusan Kewangan kepada kakitangan Jabatan.	BK	Januari 2023- Disember 2025 (berterusan)	Pendek	i. Takwim Kursus ii. Bilangan Peserta iii. Pre- Post test	1 kali/ tahun
36	2.1.2	Mewajibkan pegawai perolehan untuk mengikuti kursus/ taklimat integriti.	BK	Januari 2023- Disember 2025 (berterusan)	Pendek	i. Bil. Pegawai perolehan terlibat ii. Takwim kursus/ taklimat integriti	1 kali/ tahun
37	2.1.3	Melaksanakan sepenuhnya Surat Arahan Larangan Penggunaan Telefon Bimbit atau Lain-lain Peralatan Peralatan Komunikasi Dalam Mesyuarat Kerajaan (daripada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan) KPKK(R) 600-1/1JLD.2(3) bertarikh 31 Januari 2019) yang melibatkan Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga.	BK	Januari 2023- Disember 2025 (berterusan)	Pendek	Pematuhan arahan	Setiap kali mesyuarat
38	2.1.4	Melaksanakan naziran kewangan secara berkala.	BK	Januari 2023- Disember 2025 (berterusan)	Pendek	Laporan Naziran	3 kali/ tahun

BIL	NO. INISIATIF	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	TEMPOH	JANGKA MASA	OUTPUT	KEKERAPAN
39	2.15	Mengesyorkan tambahan peruntukan untuk perolehan kemudahan dan kelengkapan pejabat.	BK	Januari 2023-Disember 2025 (berterusan)	Pendek	Buku ABM	1 kali/tahun
40	2.16	Melaksanakan pemantauan bagi aktiviti perolehan dan perbelanjaan Jabatan.	BK	Januari 2023-Disember 2025 (berterusan)	Pendek	i. Takwim ii. Laporan/ buku Mesyuarat JPKA Jabatan	4 kali/tahun
41	2.17	Memastikan urusan perolehan melalui tender, sebutharga dan pembelian terus berpandukan kepada Pekeliling Perbendaharaan dan Peraturan Kewangan yang berkuatkuasa.	BK	Januari 2023-Disember 2025 (berterusan)	Pendek	Laporan AP59	1 kali/tahun
42	2.18	Mewujudkan jawatankuasa pemilihan syarikat untuk kerja penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan.	BKP	Januari 2023-Disember 2023 (1 tahun)	Pendek	i. Surat lantikan ii. TOR Jawatankuasa	1 kali

STRATEGI 3

► Menginstitusikan Kredibiliti Penguatkuasaan Undang-undang

BIL	NO. INISIATIF	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	TEPOH	JANGKA MASA	OUTPUT	KEKERAPAN
43	3.1.1	Mengadakan taklimat berkenaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 Seksyen 17A dengan pelanggan secara berterusan.	UI/ BBT/ BKRPB/ BPIT/ BKKT	Januari 2023-Disember 2025 (berterusan)	Pendek	i. Tarikh program ii. Bilangan peserta	1 kali/tahun
44	3.1.2	Mengadakan taklimat dan sesi libat urus dengan pelanggan secara berterusan.	BBT/BKRPB/ BKKT	Januari 2023-Disember 2025 (berterusan)	Pendek	BBT: Hari Bertemu Pelanggan, Skim Perakuan Pensijilan Fitosanitasi Malaysia (MPCA), MAHTAS, MAFAS, Pendaftaran Ladang dan Fasiliti Eksport, Permohonan Sijil Fitosanitasi, Permit CITES, BKRPB: Hari Bertemu Pelanggan, MCPA (Malaysian Crop Life and Public Health Association), Pest Control Association of Malaysia (PCAM) BKKT: Latihan, promosi dan taklimat myGAP, SPBT (Skim Pengesahan Bahan Tanaman, SPBP (Skim Pengesahan Benih Padi), Pendaftaran Varieti	BBT: 2 kali/tahun BKRPB: 1 kali/tahun BKKT: 3 kali/tahun

BIL	NO. INISIATIF	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	TEMPOH	JANGKA MASA	OUTPUT	KEKERAPAN
45	3.1.3	Pengisian segera kekosongan perjawatan penguatkuasa dengan mengambil kira elemen integriti sebagai prasyarat.	BK	September 2020–Disember 2025 (5 tahun)	Panjang	Pengisian kekosongan	Jika terdapat kekosongan
46	3.1.4	Mengadakan kerjasama dengan pihak penguatkuasa berkaitan.	BKRPB	Januari 2023–Disember 2025 (berterusan)	Pendek	Mesyuarat Jawatankuasa Membanteras Racun Tidak Berdaftar (Polis, Kastam, MAQIS)	1 kali/ tahun
47	3.1.5	Mewujudkan kerjasama dengan pihak penguatkuasa yang berkaitan.	BBT/BKKT	September 2020–Ogos 2021 (1 tahun)	Pendek	BBT: Kerjasama dengan MAQIS BKKT: Kerjasama dengan KPND	Mengikut keperluan
48	3.1.6	Membangunkan satu TOP berkaitan pengenalpastian racun haram dan racun tidak berdaftar.	BKRPB	Januari 2022–Disember 2022 (1 tahun)	Pendek	TOP Pengenalpastian racun haram dan racun tidak berdaftar	1 TOP
49	3.1.7	Menambahbaik modul kursus penguatkuasaan dan siasatan kesalahan-kesalahan dibawah akta-akta berkaitan.	BKRPB	September 2020–Disember 2025 (5 tahun)	Panjang	Modul Kursus	1 modul
50	3.1.8	Mengadakan kursus berkaitan dengan siasatan dan pendakwa secara berterusan bagi meningkatkan kecekapan pegawai serbuan, penyiasat dan pendakwa.	BKRPB	Januari 2023–Disember 2023 (1 tahun)	Pendek	i. Tarikh kursus ii. Bilangan peserta	1 kali/ tahun
51	3.1.9	Mempergiatkan kempen kesedaran dan pendidikan racun makhluk perosak kepada pengguna.	BKRPB	Januari 2023–Disember 2025 (berterusan)	Pendek	Tarikh program	2 kali/ tahun

BIL	NO. INISIATIF	INISIATIF	BAHAGIAN PELAKSANA	TEMPOH	JANGKA MASA	OUTPUT	KEKERAPAN
52	3.1.10	Mewujudkan fasiliti penyimpanan eksibit di Bukit Minyak, Pulau Pinang.	BKRPB	September 2020- Disember 2025 (5 tahun)	Panjang	Bangunan stor eksibit	1 fasiliti
53	3.1.11	Penambahbaikan TOP untuk pengurusan bahan bukti (eksibit).	BKRPB	Januari 2023- Disember 2023 (1 tahun)	Pendek	TOP Pengurusan bahan bukti racun	1 TOP
54	3.1.12	Mewajibkan pemakaian kelengkapan keselamatan peribadi (PPE) yang bersesuaian dan kawalan penggunaan telefon bimbit untuk pegawai penguatkuasa di dalam TOP Serbuan.	BKRPB	Januari 2023- Disember 2023 (1 tahun)	Pendek	TOP Serbuan	1 TOP
55	3.1.13	Perolehan peralatan pengendalian yang sesuai bagi tujuan memindahkan item beban berat.	BKRPB	September 2020- Disember 2025 (5 tahun)	Panjang	i. Senarai aset ii. Bilangan Forklift	1 senarai
56	3.1.14	Mewajibkan pemeriksaan kesihatan secara berkala.	BKRPB/ BPM/ BBT	Januari 2023- Disember 2025 (3 tahun)	Sederhana	Laporan pemeriksaan pegawai.	1 kali/ 3 tahun

MEKANISME PEMANTAUAN PELAKSANAAN PLANT DOA 2020–2025

Bagi memastikan Jabatan Pertanian melaksanakan inisiatif antirasuah dilaksanakan sepertimana yang ditetapkan di dalam PLANT DOA, bahagian perlu melaporkan status pelaksanaan inisiatif kepada Unit Integriti dengan kekerapan 3 kali setahun (bergantung kepada tempoh pelaksanaan).

Bagi melancarkan urusan pemantauan, semua Pengarah Bahagian dikehendaki:

- i. Melantik *Desk Officer* tetap untuk memantau pelaksanaan Inisiatif yang digariskan di dalam PLANT DOA bagi bahagian masing-masing.
- ii. Melaksanakan program-program yang telah ditetapkan.
- iii. Mengemukakan laporan pelaksanaan inisiatif dengan kekerapan 3 kali setahun (bergantung kepada tempoh pelaksanaan inisiatif) kepada Unit Integriti dengan berpandukan kepada output yang telah ditetapkan di dalam Semakan Semula PLANT DOA.

Laporan pelaksanaan PLANT DOA yang dikemukakan oleh Bahagian akan diselaraskan oleh Unit Integriti dan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat Jabatan Pertanian.

JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) PERINGKAT JABATAN PERTANIAN

Pengerusi : **Ketua Pengarah Pertanian**

Keahlian:

- Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan)
- Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori)
- Semua Pengarah Bahagian
- Semua Pengarah Pertanian Negeri

Memastikan pelaksanaan PLANT DOA mengikut tempoh masa yang ditetapkan

URUSETIA (UNIT INTEGRITI)

- Memantau pelaksanaan inisiatif oleh Bahagian
- Menyedia laporan dan analisis serta melapor dalam Mesyuarat JAR

DESK OFFICER BAHAGIAN

- Mengemukakan laporan pelaksanaan inisiatif PLANT DOA kepada Unit Integriti

KESIMPULAN

Kejayaan Jabatan Pertanian dalam memastikan pelaksanaan semua inisiatif yang digariskan di dalam Laporan Separuh Penggal Semakan Semula PLANT DOA 2020-2025 akan menjadi satu titik tolak ke arah penambahbaikan tadbir urus Jabatan Pertanian ke arah membentuk warga Jabatan Pertanian yang bebas rasuah.



PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada semua yang menjayakan Semakan Semula Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025

YBhg. Dato Zahimi bin Hassan

Ketua Pengarah Pertanian

YBrs. Puan Nor Sam binti Alwi

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Regulatori)

YBhg. Dato' Eliyas bin Saad

Mantan Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan)

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Pertanian Negeri


Encik Muhammad Nazirudin bin Jamaludin

Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC)

Peserta Bengkel Kajian Semula PLANT DOA pada 8-9 Februari 2023

BAHAGIAN	NAMA PESERTA	BAHAGIAN	NAMA PESERTA
BPP	1. Dr. Florence C. Ginibun @ Camillus 2. Puan Norhidayah binti Mohd Yusof 3. Tuan Syed Khairul Syahmi bin Syed Ahmad	BPMI	1. Puan Dzuhaizah binti Sulaiman 2. Encik Junaidi bin Abdullah
BPIT	1. Dr. Sukati bin Sakka 2. Encik Mohd Sobri bin Ismail 3. Encik Roslan bin Ghani	BKP	1. Encik Radzdy bin Guatching
BPST	1. Encik Mohamad Sofian bin Omar 2. Encik Fakhru Islam bin Sulaiman	BPB	1. Puan Norhaina binti Abd Ghani
BBT	1. Puan Maliza binti Hazin @ Ab. Rahman 2. Puan Nurul Izza binti Bukari 3. Puan Nur Izatul Iffah binti Mohd Suffian	BPM	1. Puan Aizam Salmi binti Abu Bakar 2. Dr Nurjahirah binti Janudin
BKRPB	1. Encik James Low Meng Lee 2. Puan Suria binti Saad	BK	1. Pn Djuliana binti Jamaludin 2. Pn Kintan Nazura binti Mohamad Yusuf 3. Pn Kamisah binti Kassim
BKKT	1. Puan Soo Foong Lian 2. Puan Nurul Huda binti Aris 3. Puan Sariah binti Mohd Aris 4. Puan Nordiyana binti A. Rahman	UI	1. Puan Maznah binti Che Muda 2. Puan Dalila binti Bahrun 3. Puan Nooreehan binti Baharudin 4. Encik Mohd Azhulnoor bin Ab Manaf 5. Puan Nur Fitriani binti Ahmad Sobri 6. Puan Faizah binti Baba
BPS	1. Puan Hasyimah binti Mat Tahir 2. Encik Mohd Hafiz bin Odin		

SILA IMBAS



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

JABATAN PERTANIAN

Aras 7-17, Wisma Tani, No. 30, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya, Malaysia.

Tel : 03-8870 3007 | pro@doa.gov.my | www.doa.gov.my